

BAB LIMA

PENUTUP

5.1 Kesimpulan

Kewujudan badan penyiaran RTM yang bermula dengan penubuhan Radio Malaya pada tahun 1946 dan televisyen pada tahun 1969 banyak telah mewarnai peristiwa-peristiwa bersejarah di negara ini. Badan penyiaran ini bertindak sebagai wadah kerajaan untuk membentuk masyarakat yang bersatu padu tidak dapat dinafikan. Melalui RTM, dasar kerajaan dapat disebarluaskan dengan luas dan berkesan.

RTM juga turut membantu menerangkan program-program dan pembangunan kerajaan seperti Dasar Ekonomi Baru, Slogan Bersih Cekap dan Amanah, Dasar Pandang ke Timur, Dasar Penswastaan, Wawasan 2020 sehingga ke Multimedia Super Corridor supaya dapat difahami oleh masyarakat.

Badan penyiaran ini turut menerima banyak cabaran dalam sejarah penubuhannya sejak stesen-stesen penyiaran swasta lain seperti Sistem Televisyen Malaysia Berhad (TV3) dan Saluran Ceria Anda (NTV7) dilancarkan, RTM telah

menerima saingan yang hebat. RTM dikatakan telah menemui zaman kegelapannya. Namun setelah wujud lebih setengah abad RTM hampir mengorak langkah bersetujuan dengan peredaran zaman. Hasil perkembangan teknologi moden telah banyak muncul stesen televisyen satelit seperti Astro dan ini tidak dapat melemahkan RTM untuk terus bergerak ke hadapan. Sesungguhnya RTM mampu menghadapi alaf baru. RTM kini menggunakan peralatan-peralatan baru dan teknologi canggih yang membabitkan sistem digital seperti penggunaan Camera Digital dan Digital Editing Machine, grafik komputer, gentian fiber serta berjaya membina segera infrastruktur penyiaran moden dan sempurna.

Berdasarkan kajian yang dilakukan nyata, RTM turut memberi persaingan kepada stesen-stesen penyiaran swasta yang lain dalam menyiaran rancangannya menerusi Saluran TV1 atau Saluran TV2. Beberapa program siaran RTM seperti *Ehwal Islam*, *Forum Perdana*, *X-Files*, *Dunhill Double*, *Berita Dunia*, *Berita Perdana*, *Berita Mandarin* dan beberapa rancangan yang lain telah dapat rating atau kedudukan yang tinggi berbanding dengan rangkaian televisyen yang lain.

RTM juga kini sedang berusaha menyiaran program tempatan bermutu yang sesuai dalam memberi maklumat dan menyampaikan mesej kepada rakyat. Ia juga selaras dengan peranan RTM untuk membudayakan masyarakat. Menurut Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan Datuk Zainudin Maidin, program seperti *Salam Pantai Timur* yang disiarkan di Saluran TV1 didapati mendapat sambutan yang menggalakkan. Beliau berharap program seperti ini dapat diperluas ke negeri-negeri lain pada masa depan

dengan membuat penggambaran di negeri berkenaan. Selain itu, program *Getaran*, *Anjung Budi* dan selingan *sajak* dan *pantun* turut menerima sambutan manakala *rating Berita Perdana* di saluran TV1 semakin meningkat. (*Sumber : Berita Perdana, 9hb Jun 2001*).

Sebenarnya kewujudan media elektronik di Malaysia adalah untuk memenuhi dua matlamat iaitu untuk merapatkan dan mewujudkan hubungan erat di antara pihak kerajaan dan masyarakatnya serta untuk tujuan pembangunan (Meor Zailan Sulaiman, 1992). Bagaimanapun kajian mendapati RTM dapat memenuhi kedua-dua matlamat tersebut kerana terdapat rancangan dalam bentuk pengumuman khidmat awam (PKA) yang disiarkan untuk pembangunan sosio-ekonomi masyarakat. Secara tidak langsung, RTM dapat memenuhi objektif Jabatan Penyiaran Kementerian Penerangan Malaysia untuk memberi perkhidmatan penyiaran dan menyebarkan maklumat melalui radio dan televisyen bagi membina sikap, peribadi, pemikiran dan nilai-nilai sesuai untuk memajukan dan menjayakan pembangunan sosio-ekonomi masyarakat selaras dengan cita-cita negara.

Berdasarkan Laporan Kajian Peranan RTM Sebagai Media Saluran Maklumat telah dapat dibuktikan RTM telah mencapai fungsinya sebagai media pembangunan negara kerana kesemua tahap penilaian kaum terhadap RTM adalah berada di tahap sederhana dan ke atas. Keseluruhannya kadar tertinggi adalah paras min 3.67 dalam peranan RTM memupuk perpaduan nasional dan kadar terendah ialah 3.47 dalam menyalurkan maklumat yang lengkap, tepat dan boleh dipercayai.

5.2 Cadangan Pada Masa Depan

Namun ada kelemahan tersendiri pada badan penyiaran ini yang menyebabkan penonton kurang berminat dalam menonton siarannya. RTM perlu meningkatkan mutu siarannya agar dapat menarik lebih ramai khalayak untuk menonton rangkaian-rangkaian TV1 dan TV2. Walaupun RTM dikenali sebagai badan penyiaran rasmi, ia seharusnya mengubah konsep rancangannya agar pemrograman yang disiarkan tidak terlalu disorotkan dengan mesej-mesej keterlaluan sehingga khalayak menganggap RTM terutamanya Saluran TV1 sebagai saluran propoganda kerajaan.

Dalam era ledakan maklumat, RTM harus memberi maklumat yang lebih terkini, terbuka untuk tatapan penonton kerana fikiran dan minda masyarakat lebih terbuka pada hari ini. Dalam penyiaran berita dan rancangan, bentuk informasi maklumat haruslah disebarluaskan dengan adil dan seimbang. Kini, rakyat mempunyai banyak pilihan untuk mendapatkan sumber maklumat yang adil dan tepat maka banyak lagi sumber berita yang boleh dicari. Perkembangan dan kemajuan stesen penyiaran haruslah dirancang dengan teliti dan yang disarankan ialah keperluan kita yang boleh dirancang sendiri. Badan penyiaran ini harus mengikut saranan Perdana Menteri kita Datuk Seri Dr.Mahathir Mohammad, sebarang bentuk media harus berdasarkan keadaan semasa masyarakat, aspirasinya serta peringkat perkembangannya.

Keadaan ini dalam satu-satu situasi yang amat merugikan negara. Ini kerana rakyat akan lebih berasa yakin dengan media lain terutama media asing berbanding dengan media tempatan.

Begitu juga dengan kekerapan RTM menyiaran rancangan-rancangan yang sudah agak ketinggalan. Sebagai contohnya, rancangan *Hiburan Minggu Ini* sudah lama disiarkan tanpa sebarang perubahan dilakukan. Setiap slot yang disiarkan mempunyai konsep yang hampir sama. Seharusnya rancangan hiburan seperti ini diberi wajah baru dengan konsep yang lebih ceria di samping menitik beratkan nilai-nilai tempatan. Saya juga turut mencadangkan agar nama rancangan ini ditukar agar ia kelihatan seperti rancangan baru. Strategi ini amat penting dalam menarik perhatian khalayak menonton rancangan ini.

RTM juga harus mengelak tayangan ulangan kerana ini akan membosankan khalayak. Menurut Carroll dan Davis (1993) lazimnya pengulangan rancangan dijadikan sebagai alternatif kepada bahan yang kurang menarik di saluran lain. Pengulangan secara tidak langsung boleh menarik lebih ramai khalayak. Pengulangan siaran rancangan yang kerap mungkin akan menimbulkan rasa bosan terhadap kaum ibu yang tidak bekerja kerana mereka merupakan khalayak sasaran stesen yang utama. Keadaan ini mungkin menyebabkan pihak stesen mengalami pengurangan penonton kerana ia kemungkinan besar memberi alternatif kepada penonton untuk menonton saluran yang lain.

Sementara dalam penyiaran program-program berbentuk drama dan filem, produk-produk dari barat lebih banyak mengisi ruang masa terutama pada waktu malam melalui slot *Dunhill Double*, *Movie Magic*, *Action Movie*, *Monday Movie*, *Saturday Showtime* dan *Sunday Mix*. Keadaan ini mencerminkan bahawa rancangan-rancangan yang disiarkan oleh badan penyiaran ini masih lagi mengutamakan rancangan import walaupun rancangan import dikatakan lebih rendah peratusnya dari rancangan tempatan.

Saluran TV1 merupakan satu-satunya saluran yang disiarkan dalam Bahasa Melayu dan juga mementingkan rancangan terbitan tempatan, namun begitu didapati rancangan yang disiarkan hampir keseluruhannya merupakan terbitan tempatan. Hanya sebilangan kecil rancangan terdiri daripada penerbitan luar negeri iaitu 3.7% khususnya dari Amerika Syarikat, Jepun dan India serta negara-negara Asean yang lain terutamanya rancangan jenis majalah, laporan, kanak-kanak, drama dan dokumentari. Stesen-stesen penyiaran swasta yang lain seharusnya menyiaran lebih banyak rancangan tempatan seperti yang diarahkan oleh Menteri Penerangan kepada pihak TV3 agar siaran rancangan dari luar negara tidak seharusnya tidak melebihi 30% (*Utusan Malaysia*, 1hb Ogos 1986).

Secara tidak langsung tindakan ini akan membantu meningkatkan kualiti terbitan tempatan dan juga membuka pasaran lebih luas di peringkat antarabangsa. Sebaliknya Saluran TV1 dan TV3 telah berjaya menyiaran rancangan tempatan melebihi 70%. Saluran TV1 dan TV3 telah berjaya menyiaran rancangan tempatan melebihi 70%.

Misalnya mulai 1hb September 1997, TV3 telah berjaya menyiaran sebanyak 74% rancangan daripada terbitan tempatan (*Mikroskop, Mei 1997*).

Filem untuk televisyen atau drama berbentuk tunggal dan serial tempatan juga agak kurang disiarkan kecuali filem-filem Melayu dan drama-drama bersiri. Seharusnya sudah ada slot filem tempatan diadakan di negara ini. Setakat ini, filem tempatan hanya disiarkan ketika musim perayaan atau hari peristiwa sahaja.

Dewasa kini, walaupun negara kita sudah nampak kekuahan dan persaudaraan yang erat dan mesra dalam hubungan antara kaum tetapi agak malang dari segi penerbitan, drama Cina dan drama Tamil terbitan tempatan amat kurang disiarkan berbanding dengan bilangan pengeluaran drama Melayu. Keadaan ini menyebabkan badan penyiaran ini terpaksa menyiaran lebih banyak rancangan dari Hong Kong dan India untuk tatapan para khalayak yang terdiri daripada masyarakat Cina Dan India. Ini mungkin berpunca dari faktor kekurangan syarikat penerbit tempatan yang membuat drama Tamil dan Cina. Walau bagaimanapun, ia mungkin disebabkan kurangnya negara kita mengeluarkan filem-filem untuk televisyen tempatan berbanding dengan negara-negara pengeluar-pengeluar filem lain seperti Hong Kong, India dan negara-negara barat.

Sementara dalam menyiaran drama-drama Cina dan Tamil sama ada berbentuk serial mahu pun tunggal, RTM lebih banyak mengimport rancangan-rancangan ini dari luar negara seperti Hong Kong dan India yang tentunya budaya masyarakatnya

berbeza dengan masyarakat Cina dan India di Malaysia. RTM tidak seharusnya berpuas hati dengan hanya menyiaran rancangan-rancangan import bagi memenuhi selera dan cita rasa penonton kaum Cina dan India. Walaupun negara kita telah 45 mencapai kemerdekaan tetapi negara kita masih belum mampu menerbitkan drama Tamil dan Cina sendiri dengan kualiti yang diharapkan walaupun terdapat segelintir pihak yang tampil ke hadapan untuk berbuat demikian dengan kualiti yang rendah.

Sesungguhnya dilema ini berkisar pada soal pendisiplinan diri, akal budi dan hati nurani. Golongan karyawan mungkin menghadapi masalah kepupusan idea dan kurang daya kreatif. Ini kerana jika dilihat drama-drama dan filem-filem tempatan lebih banyak berkisar kepada persoalan yang sama terutama tema cinta. Maka tidak hairan sekiranya penonton kini lebih beralih kepada rancangan-rancangan dari barat. Menurut Prof. Dato Shanon Ahmad mengulas mengenai ketandusan idea.

"karya itu perlu ada sesuatu yang hidup, berinovasi, bervariasi, berencam untuk memulangkan manusia kepada fitrahnya yang sebenarnya "

Maka, isu tuntutan sosial dan komersial pada pembikinan rancangan TV sebenarnya bermula dari kehendak stesen. Selera dan keperluan khalayak amat berbeza dan sejauhmanakah pertimbangan antara kehendak negara dan kemahuan rakyat dapat ditangani bergantung kepada kebijaksanaan dan wawasan pihak yang menentukan dasar.

Program TV seharusnya menggambarkan budaya dan tradisi tempatan. Penerbit perlu peka terhadap menggambarkan budaya dan tradisi tempatan. Penerbit perlu peka terhadap budaya masyarakat timur dan tidak mengikut apa sahaja yang dilakukan oleh orang lain. Sering kali kita dihidangkan dengan beberapa rancangan yang memaparkan watak-watak tempatan tetapi jalan ceritanya mempunyai identiti dan budaya asing. Program seumpama ini sering mencemarkan budaya dan adat resam.

Begitu juga dengan penggunaan bahasa Kebangsaan, terdapat pemprograman televisyen yang senjata menggunakan bahasa yang bercampur aduk. Malahan terdapat istilah-istilah baru yang sengaja dicipta oleh kelompok tertentu terutamanya di kalangan artis yang boleh menjelaskan kedaulatan bahasa Kebangsaan.

Penggunaan bahasa sebegini lazimnya menjadi ikutan khalayak. Oleh itu, matlamat negara untuk memartabatkan bahasa Melayu mungkin akan menemui jalan yang lebih sukar.

Jelaslah bahawa RTM akan terus memainkan peranan yang penting dalam pembangunan serta pembinaan negara secara am . RTM turut bergabung dengan agensi kerajaan lain untuk memainkan peranan yang penting dalam usaha membangunkan negara dan perkembangan kemajuan negara .

Dalam pada itu kerajaan haruslah dapat mengawal rancangan televisyen dan iklannya agar tidak menimbulkan harapan rakyat yang terlalu tinggi sehingga kerajaan

sendiri tidak mampu memenuhi harapan tersebut . Atau lebih serius lagi apabila rakyat menjadi putus asa kerana apa yang dilihat di televisyen tidak akan tercapai oleh mereka . Kerajaan juga perlu memastikan bahawa nilai-nilai yang ditonjolkan menerusi televisyen tidak akan membawa unsur negatif di kalangan rakyat terutamanya rakyat miskin .

Malaysia turut dipengaruhi oleh teknologi komunikasi yang baru . Malah di antara matlamat dengan perlaksanaan dekad 90-an RTM ialah penggunaan satelit dalam siaran radio dan televisyennya . Menurut RTM, usaha ini diharapkan dapat menyebarkan dan mempercepat kekesanan dasar kerajaan pada masa akan datang . Dalam penggunaan teknologi komunikasi yang baru kerajaan mestilah memastikan ia tidak meluaskan jurang antara meeka yang kaya dengan maklumat dengan mereka yang miskin maklumat . Ini memandangkan bahawa peralatan tersebut amat mahal harganya dan penggunaannya biasanya memerlukan latihan atau pendidikan yang tertentu . Bagaimanapun , ini bukan bermakna kerajaan tidak boleh menggunakan teknologi komunikasi tersebut .

Dengan kemunculan TV satelit ini pelbagai implikasi turut diperbincang dalam berbagai peringkat sama ada dalaman mahu pun antarabangsa. Kemunculan TV satelit ini memberi kesan positif dan negatif terhadap pembangunan negara. Ia perlu dikaji dengan kritikal dan mendalam. Sebarang bentuk kemajuan seharusnya tidak memusnahkan identiti dan nilai masyarakat tempatan. Walaupun TV satelit memberi kemudahan maklumat yang terkini kepada penonton tetapi perkembangan yang pesat dan

tidak terkawal boleh membawa kemusnahan. Dalam era ledakan maklumat juga kita seharusnya tidak boleh sekadar menjadi pengguna maklumat sahaja. Dengan kemunculan TV satelit ini seharusnya kita manfaatkannya dengan sebaik mungkin.

Pihak yang terbabit perlu merangka strategi untuk menjadi penghasil berita kepada dunia. Sehingga kini rangkaian berita antarabangsa lebih dimonopoli oleh syarikat multi-nasional dari negara maju terutama dari barat seperti CNN, BBC dan ABC, sudah tibanya masa bagi negara kita mengusahakan rangkaian berita 24 jam yang dipancarkan ke seluruh dunia. Ini memberi peluang kepada kita menyebarkan berita mengikut perspektif kita. Malahan seharusnya kita pula menjadi pengeksport produk budaya dari timur untuk tatapan masyarakat barat sebagai satu pusat media gabungan negara-negara Islam.

Apa yang penting ialah kerajaan boleh menggunakan media elektroniknya (ini termasuk teknologi komunikasi canggih) dengan bijak untuk menimbulkan kesedaran dan menanamkan semangat ingin maju di kalangan rakyat. Serentak dengan itu, Jabatan Penyiaran RTM perlu terus memberi penekanan kepada komunikasi bersemuka untuk memberi penerangan yang lebih jelas dan menentukan maklumat yang diberi melalui media massa membawa kesan yang diingini .

Sehubungan dengan ini, Kementerian Penerangan sedang meneliti cadangan untuk menambah dua lagi saluran televisyen untuk media kerajaan. Saluran tersebut akan diwujudkan melalui RTM bagi tujuan pengkhususan program untuk media kerajaan.

Cadangan ini juga untuk memfokuskan lebih banyak program berbentuk intelektual di Saluran TV1. Kementerian ini juga telah mendapat kelulusan kabinet bagi mewujudkan dua saluran televisyen ini dengan memaparkan rancangan yang bercorak pendidikan dan sukan lebih meluas. Menurut beliau,

Saluran 3 dan 4 RTM itu adalah tambahan kepada Saluran Perdana dan Saluran Emas ketika ini. Kita yakin saluran tambahan ini membolehkan lebih banyak rancangan tempatan terutama pendidikan dan sukan dapat disiarkan. Masa siaran pendidikan perlu berikutan pertumbuhan pesat institusi pendidikan tinggi awam dan swasta di negara ini. Setakat ini dua saluran di RTM belum ada pengkhususan rancangan. Ini memaksa program dibahagikan antara kedua saluran bagi memenuhi citarasa semua pihak. Dengan pembahagian ini, RTM akan menjadi setaraf dengan stesen televisyen lain yang bertaraf dunia menerusi pengkhususan rancangan.

(Sumber : Berita Harian, 8hb Jun 2002)

Menurut beliau, pembahagian rancangan yang dibuat ketika ini menyebabkan ada pihak yang menyatakan bahawa RTM tidak mempunyai peningkatan mutu dari segi penyiaran. Beliau menegaskan sebahagian besar program yang disiarkan di Saluran RTM bermutu tinggi dan kebanyakan negara-negara di dunia turut mempunyai 4 saluran untuk media kerajaan. Menerusi pembahagian slot menerusi beberapa saluran, setiap program mempunyai masa yang cukup untuk siaran.

Di samping itu, kita juga perlu memberi pertimbangan bahawa negara kita kini sedang melangkah ke era masyarakat maklumat atau pun *Information Society* dan ini pastinya akan memberi kesan terhadap perkhidmatan Kementerian Penerangan termasuk RTM. Perkembangan ini perlulah dikaji dengan teliti supaya dapat memberi kesan yang positif terhadap rakyat dan negara.

Akhir sekali, perkembangan dan kemajuan sistem penyiaran harus dirancang dengan teliti. Apa yang boleh disarankan ialah keperluan kita membentuk acuan sendiri adalah mengikut kesesuaian dan keserasian masyarakat tempatan. Penyaluran maklumat oleh mana-mana badan penyiaran mahu pun media cetak perlulah berdasarkan kedudukan semasa dan situasi rakyat serta negara, pegangan matlamat utamanya dan perkembangan badan penyiaran tersebut. Sememangnya diakui bahawa RTM adalah media yang membangunkan rakyat dan negara.